

BAB 5 RUMUSAN DAN KESIMPULAN KAJIAN

5.0. Pengenalan

Bab ini akan merumuskan hasil kajian tentang penukaran kod di kalangan guru-guru berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina. Bab ini akan membincangkan rumusan dapatan kajian berdasarkan data-data analisis yang telah dibuat dalam Bab 4 bahagian 5.1. Ini diikuti kesimpulan kajian dalam 5.2 dan cadangan masa depan untuk melakukan penyelidikan dalam bidang ini dalam 5.3.

5.1. Rumusan Kajian

Dalam Bab 3 penyelidik telah mengemukakan beberapa soalan penyelidikan untuk tujuan kajian ini. Untuk memastikan samada soalan tersebut terjawab atau tidak maka penyelidik akan merumuskan kajian berdasarkan soalan tersebut.

- a) Apakah jenis bahasa yang paling kerap digunakan sebagai pilihan dalam penukaran kod di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina ?*

Berdasarkan analisa data yang dibuat dalam Bab 4, didapati penukaran kod dalam data ini melibatkan empat bahasa:

- Bahasa Inggeris
- Bahasa Kantonis
- Bahasa Mandarin
- Bahasa Melayu.

Jenis bahasa yang paling kerap digunakan sebagai pilihan dalam penukaran kod di kalangan guru-guru Cina adalah :

- pilihan Bahasa Mandarin-Bahasa Inggeris untuk guru-guru Cina berpendidikan Cina
- pilihan Bahasa Kantonis-Bahasa Inggeris untuk guru-guru Cina berpendidikan bukan Cina.

b) Apakah fungsi-fungsi wacana yang menyebabkan berlakunya penukaran kod di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina dalam situasi tidak formal?

Hasil kajian yang dibuat ini berjaya menemui 13 fungsi wacana penukaran kod di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina iaitu :

- *'Register Identification'*
- Pengulangan (*Repetition*)
- Penukaran Topik (*Change Of Topic*)
- Ungkapan Yang Berkaitan Dengan Waktu
- *'Flagging Of Attitudes'*
- Ungkapan Yang Berkaitan Dengan Kata Bilangan

- '*Facility Of Expression*'
- Keperibadian lawan Keobjektifan (*Personalization Versus Objectivization*)
- Petikan (*Quotation*)
- Penggunaan Kata Akronim
- '*Addressee Specification*'
- Pertanyaan lawan Memberi Maklumat (*Inquiry Versus Giving Information*)
- Ungkapan Kesopanan (*Expression Of Politeness*)

Fungsi wacana penukaran kod ini ternyata mempengaruhi pertuturan masyarakat Cina. Fungsi wacana penukaran kod yang paling banyak digunakan oleh informan dalam data ini adalah '*Register Identification*'. Dalam data ini terdapat tiga keadaan yang dikesan menggunakan fungsi penukaran kod ini iaitu konteks yang berkaitan dengan kerjaya, keluarga dan gereja. Apabila penutur berbincang tentang hal yang berkaitan dengan kerjaya khususnya sebagai guru yang berkhidmat untuk kerajaan, penukaran kod berlaku dalam Bahasa Inggeris atau Bahasa Melayu. Keadaan ini berlaku apabila perkara yang dibincangkan berkaitan dengan urusan pentadbiran sekolah atau jabatan kerajaan. Begitu juga apabila konteks itu berkaitan dengan keluarga informan dalam data menukar kod ke dalam Bahasa Inggeris seperti **MOTHER, FATHER, SISTER IN LAW** dan lain-lain. Fungsi ini turut berlaku dalam konteks yang berkaitan dengan perkahwinan dan gereja

iaitu informan banyak menggunakan Bahasa Inggeris. Fungsi ini menduduki tempat tertinggi (rujuk jadual 4.5 Bab 4) yang paling kerap digunakan oleh guru yang berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina semasa berkomunikasi.

Fungsi wacana penukaran kod yang menduduki tempat kedua adalah fungsi pengulangan. Jenis pengulangan yang ditemui dalam data ini adalah

- i. Pengulangan makna yang sama dengan menukar kod ke bahasa lain dalam ayat yang sama oleh penutur yang sama
- ii. Pengulangan kata yang sama sebagai titik tolak berlaku penukaran kod

Kesemua pengulangan ini majoriti dilakukan dalam Bahasa Inggeris. Ini diikuti oleh Bahasa Mandarin dan Bahasa Kantonis.

Fungsi wacana penukaran topik menduduki tempat ketiga banyak digunakan oleh informan dalam data ini. Apa yang dikesan adalah apabila informan menukar topik maka pada masa itu juga berlaku penukaran kod dari bahasa yang sedang ditutur ke Bahasa Inggeris atau Bahasa Kantonis. Topik yang dibincangkan adalah seperti hal perkahwinan, kerjaya, peribadi dan keluarga. Fungsi penukaran topik ini mempunyai kaitan rapat dengan fungsi '*Register Identification*'. Ini kerana apabila berlaku penukaran topik maka seringkali juga berlaku penukaran kod '*Register*

Identification' kerana perkara yang dibincangkan itu sering berkaitan antara satu sama lain.

Satu fungsi lagi yang sering digunakan ialah ungkapan yang berkaitan dengan waktu atau masa. Penutur yang hendak menegaskan waktu dalam perbualan itu akan menyelitkan ujaran yang berhubungan dengan waktu. Pengubahan dari satu bahasa ke bahasa lain terutama dari Bahasa Kantonis ke Bahasa Inggeris banyak berlaku untuk menimbulkan kesan penegasan. Mengikut Jacobson (1993) wujud kontras di antara satu bahasa dengan bahasa lain apabila berlaku penukaran kod yang berhubungan dengan waktu. Ini adalah supaya mendorong pendengar menumpukan perhatian kepada perspektif waktu yang mungkin berlainan konsepnya dalam bahasa lain.

- c) *Apakah faktor-faktor sosio-budaya yang menyebabkan berlakunya penukaran kod di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina dalam situasi tidak formal?*

Selain itu, faktor sosio-budaya yang mempengaruhi penukaran kod yang ditemui dalam kajian ini adalah:

- topik

Apabila informan hendak menukar topik maka penukaran kod dilakukan sebagai titik tolak penukaran

topik. Misalnya penukaran kod berlaku apabila penutur berbincang tentang topik majlis perkahwinan, pertukaran sekolah dan sebagainya.

- perhubungan di antara lawan-sapa

Perhubungan di antara informan dalam kajian ini adalah rakan sejawat dalam interaksi tidak rasmi. Mereka terdiri daripada kumpulan ethnik dan status yang sama iaitu terdiri daripada informan berpendidikan Cina dan tidak berpendidikan Cina. Untuk mewujudkan hubungan mesra, mereka akan menukar kod ke bahasa yang difahami oleh semua penutur. Ini banyak berlaku di kalangan informan berpendidikan Cina.

- latar pendidikan informan

Informan dalam kajian ini terdiri daripada kumpulan yang berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina. Penukaran kod banyak berlaku dalam situasi yang terdapat informan berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina. Penukaran kod jarang berlaku di kalangan informan berpendidikan Cina sesama kumpulan iaitu mereka lebih setia terhadap penggunaan Bahasa Mandarin. Tetapi apabila mereka bergaul dengan kumpulan berpendidikan bukan Cina, mereka akan menukar kod ke bahasa lain iaitu terikut bahasa yang digunakan oleh informan berpendidikan bukan Cina.

atau Bahasa Kantonis pula adalah sebagai penanda mengenai keanggotaan seseorang penutur yang berbeza daripada kumpulan lain.

- d) *Sejauhmanakah kekerapan penukaran kod berlaku di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina ?*

Dapatan kajian ini turut mendapati penukaran kod banyak berlaku dalam situasi yang mempunyai informan yang berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina iaitu dalam situasi A dan C. Kebanyakan penukaran kod dalam situasi ini dilakukan di peringkat perkataan dan frasa dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Kantonis.

Sementara dalam situasi B yang hanya terdiri daripada golongan berpendidikan Cina, mereka menggunakan Bahasa Mandarin dalam pertuturan mereka. Penukaran kod jarang berlaku. Ini adalah kerana ingin mengekalkan keakraban dan kesetiaan mereka dalam kumpulan yang sama. Penukaran kod ke Bahasa Mandarin berlaku walaupun informan menguasai pelbagai dialek adalah kerana Bahasa Mandarin digunakan sebagai bahasa rasmi di sekolah Cina dan dalam masyarakat Cina.

e) *Adakah terdapat pola-pola penukaran kod baru yang ditemui dalam kajian ini ?*

Tidak banyak pola penukaran kod baru yang ditemui dalam kajian ini. Apa yang dikesan ialah didapati informan yang terdiri daripada samada dari kumpulan berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina suka melakukan pengulangan. Fungsi pengulangan yang berbeza dengan pengulangan yang dibincangkan oleh kajian-kajian lepas yang dikesan dalam kajian penyelidikan ini adalah :

- pengulangan kata yang sama sebagai titik tolak berlaku penukaran kod.

Pengulangan kata dalam kod yang sama oleh penutur dan lawan-sapa. Apabila seseorang penutur mula menggunakan satu perkataan dalam kod lain, lawan-sapa seterusnya akan mengulang kata atau frasa tersebut dalam perbualannya dengan menggunakan kod tersebut. Kod ini menjadi titik tolak berlaku penukaran kod.

Melalui hasil kajian dan soal-selidik ke atas informan berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina, didapati mereka menukar kod berdasarkan antara sebab:

i) lawan-sapa

Penukaran kod berlaku adalah bergantung kepada kemampuan bahasa lawan-sapa. Sekiranya lawan-sapa tidak faham bahasa penutur, maka penutur akan menukar kod ke bahasa yang lawan-sapa faham. Dengan ini dapat mewujudkan hubungan sosial yang rapat antara penutur dengan lawan-sapa ini berlaku di kalangan informan berpendidikan Cina.

ii) pengaruh bahasa lawan-sapa

Penutur akan terpengaruh oleh bahasa orang yang sedang diajak bercakap iaitu menukar kod ke bahasa lawan-sapa. Apabila lawan-sapa menukar kod, penutur akan turut menukar kod. Begitu juga sebaliknya penutur menukar kod, lawan-sapa akan mengikutinya.

iii) kekurangan perbendaharaan kata dalam topik-topik tertentu.

iv) kerjasama antara penutur

Penutur melakukan penukaran kod adalah untuk mewujudkan prinsip kerjasama di antara penutur supaya semua penutur dapat mengambil bahagian dalam interaksi itu.

5.2. Kesimpulan kajian

Jelaslah melalui kajian ini, berjaya mengesan bahawa di kalangan guru-guru Cina, penukaran kod dalam perbualan

memang lumrah digunakan sebagai satu strategi komunikasi semasa mereka berinteraksi sesama sendiri secara tidak formal.

Pilihan bahasa yang kerap digunakan dalam penukaran kod oleh guru-guru Cina ini ialah Bahasa Inggeris dan Bahasa Kantonis. Di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina didapati mereka mempunyai lebih banyak pilihan bahasa berbanding dengan guru-guru Cina berpendidikan bukan Cina. Oleh itu mereka mempunyai kelebihan pilihan semasa berinteraksi.

Penukaran kod yang berlaku ini adalah disebabkan oleh fungsi-fungsi wacana penukaran kod dan faktor sosio-budaya. Sebanyak 13 fungsi wacana penukaran kod dapat dikesan dalam kajian. Di samping itu terdapat 6 faktor sosio-budaya turut mempengaruhi penukaran kod di kalangan informan dalam kajian ini.

Informan yang paling banyak melakukan penukaran kod dalam perbualan mereka ialah guru yang bukan berpendidikan Cina iaitu mereka yang tidak mendapat pendidikan formal di sekolah Cina. Sementara informan yang berpendidikan Cina jarang melakukan penukaran kod apabila bertutur sesama sendiri. Tetapi akan bertukar ke kod lain apabila bertutur dengan informan yang bukan berpendidikan Cina. Oleh itu jelaslah bahawa latar pendidikan informan turut memainkan peranan penting mendorong kepada berlakunya penukaran kod sesama penutur dari ethnik yang sama.

5.3. Cadangan Kajian Masa Depan

Kajian ini hanya tertumpu di kalangan guru-guru Cina berpendidikan Cina dan guru-guru Cina bukan berpendidikan Cina di salah sebuah sekolah menengah. Oleh itu adalah dicadangkan kajian masa depan dapat menggunakan golongan yang sama ini tetapi dalam kajian interaksi secara rasmi. Perbandingan interaksi secara rasmi dan tidak rasmi juga boleh dilakukan untuk melihat sejauh mana wujud perbezaan dan persamaan antara guru-guru berpendidikan Cina dan bukan berpendidikan Cina.

Selain itu kajian masa depan dapat dilakukan dengan mengkaji latar tempat yang berlainan misalnya di pasar, di kilang, di bank dengan menggunakan kumpulan yang berlainan misalnya di kalangan pekerja kilang atau perniaga berpendidikan Cina dengan bukan berpendidikan Cina. Dengan cara ini diharap dapatlah mengesan suatu pola penukaran kod baru yang berlaku di kalangan masyarakat Cina.

Adalah dicadangkan kajian masa depan dapat mengkaji pilihan bahasa yang tertentu daripada satu suku kaum Cina yang tertentu. Misalnya apabila penutur dan lawan-sapa tidak tahu bahasa masing-masing apakah pilihan bahasa yang digunakan untuk melakukan penukaran kod dan mengkaji apakah sebab pilihan bahasa itu dilakukan oleh penutur.

Kajian masa depan juga boleh menumpukan perhatian terhadap faktor sosio-budaya seperti umur, jantina, domain yang mempengaruhi penukaran kod di kalangan masyarakat Cina dalam kumpulan yang tertentu.

Memang tidak dinafikan masyarakat Cina merupakan suatu masyarakat yang mempunyai pelbagai suku kaum dan dialek. Adalah menarik sekiranya terdapat pengkaji-pengkaji melakukan kajian terhadap suku kaum dan dialeknya untuk melihat strategi komunikasi yang digunakan oleh mereka.